# SIAPA YANG LAYAK MEMOHON AGIHAN KHAS ZAKAT, LEMBAGA ZAKAT NEGERI KEDAH?

## 1. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

1. Beragama Islam
2. Warganegara Malaysia dan tinggal di negeri Kedah sekurang-kurangnya satu (1) tahun.
3. Golongan yang terjejas pendapatan disebabkan Covid-19 dan mempunyai pendapatan isi rumah semasa di bawah RM 2,000.00 sebulan (Gaji Kasar)
4. Hanya ketua keluarga sahaja yang layak memohon, atau waris pemohon bagi yang masih berada di bawah tanggungan.
5. Bukan penerima bantuan Kewangan Bulanan Lembaga Zakat Negeri Kedah.

## 2. KAEDAH MENGISI PERMOHONAN

✓ Semua dokumen sokongan tidak perlu disahkan kecuali surat pengesahan pendapatan bagi yang tiada slip gaji atau tidak bekerja.

✓ Setiap permohonan mestilah dibuat atas nama **ketua keluarga** atau **waris pemohon** bagi yang masih berada di bawah tanggungan seperti kategori berikut :

| Kategori | Status |
|---|---|
| Suami | Jika berkahwin |
| Isteri | Jika bercerai (cerai hidup/cerai mati) |
| Isteri | Jika ditinggalkan suami tanpa nafkah |
| Anak | Jika ibu bapa uzur dan terlantar sakit |

✓ Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian *(online)* menerusi Sistem Permohonan Agihan Zakat di pautan *(link)* https://agihan.zakatkedah.com.my dengan memilih **Skim Agihan Khas Zakat** serta memuat naik lampiran dokumen-dokumen berikut :

1. Kad Pengenalan Pemohon sahaja. (Diwajibkan Depan & Belakang).

2. Sijil nikah / surat cerai / sijil kematian suami / isteri (jika berkenaan).
3. Slip gaji, penyata pendapatan, pencen, surat diberhentikan, cuti tanpa gaji dan sebagainya (jika berkenaan). Bagi yang TIDAK BEKERJA atau TIADA SLIP GAJI, sila cetak Surat Pengesahan Pendapatan atau dapatkan di Pejabat Zakat Daerah berdekatan).
4. Penyata akaun bank pemohon (Akaun ASB dan Tabung Haji tidak dibenarkan).
5. Bukti Bermastautin Pemohon : Bil Elektrik / Air / Telefon dan lain-lain bil (atas nama/alamat Pemohon).
6. Laporan perubatan daripada doktor perubatan Hospital Kerajaan. (Jika ada).
7. Hanya permohonan yang lengkap beserta dokumen yang diperlukan sahaja akan dipertimbangkan permohonan.

## 3. KRITERIA ASNAF

Sila pilih satu sahaja masalah yang paling hampir dengan situasi terkini anda :

1. Masalah Terjejas Pendapatan
2. Masalah Bebanan Hutang